

Selepas Dr M, Muhyiddin pula bertemu Anwar di mahkamah
Free Malaysia Today
Okt 5, 2016
Blake Chen

Muhyiddin berkata kehadirannya hari ini untuk memberi sokongan moral kepada Anwar dalam perbicaraan yang sedang dihadapinya.

KUALA LUMPUR: Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini bertemu bekas ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim di mahkamah dan sempat mengadakan perbincangan dalam bilik saksi.

Turut serta dalam perbincangan di bilik saksi itu ialah isteri dan anak Anwar, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail serta Nurul Izzah.

Pada awal bulan lalu, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga pengasas PPBM turut bertemu Anwar di mahkamah, kali pertama selepas 18 tahun, ketika bekas perdana menteri itu memecat Anwar pada 1998.

Muhyiddin ketika ditemui wartawan selepas pertemuan itu berkata harapannya menerusi kerjasama yang akan dijalinkan itu, akan wujud pakatan kukuh untuk berdepan dengan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, kehadirannya di mahkamah hari ini untuk memberi sokongan moral kepada Anwar dalam perbicaraan yang sedang dihadapinya.

“Sudah lama tidak berjumpa (Anwar). Lebih-lebih lagi beliau ialah de facto PKR, jadi saya rasa penting sebagai presiden PPBM untuk hubungan ini kita jalinkan dan kita berharap ia akan menjadi kenyataan,” katanya.

Anwar dibenarkan keluar dari penjara untuk ke mahkamah hari ini bagi perbicaraan samannya terhadap Utusan Malaysia.

Kedua-duanya dikatakan sedang menyelesaikan tuntutan itu tanpa perbicaraan dan syarikat media milik Umno itu dikatakan sedang berunding jumlah bayaran.

Hadir sama di mahkamah ialah Timbalan Presiden PKR yang juga Menteri Besar Selangor Datuk Seri Azmin Ali.

Sementara itu, Anwar ketika ditemui wartawan berkata pihaknya bersetuju untuk Muhyiddin berunding dengan PAS untuk mewujudkan pakatan pembangkang lebih kukuh.

Katanya, mereka turut berbincang mengenai usaha meningkatkan kerjasama dengan Pakatan Harapan dan PPBM, supaya dapat berunding dengan semua parti pembangkang.

“Saya alu-alukan kehadirannya dan kita akan tingkatkan kerjasama. Kita minta PKR dan Pakatan Harapan berbincang dengan Muhyiddin untuk mengadakan kerjasama,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/05/selepas-dr-m-muhyiddin-pula-bertemu-anwar-di-mahkamah/>